

29 NOV 1996

SHAHIDAN BENTUK JAWATANKUASA PERHUBUNGAN DALAM TEMPOH SEMINGGU

KANGAR, 29 Nov (Bernama) -- UMNO negeri Perlis yang kini di bawah kepimpinan baru dijangka membentuk jawatankuasa perhubungannya selewat-lewatnya minggu depan.

Pengerusi badan perhubungan negeri Datuk Seri Shahidan Kassim berkata di sini hari ini beliau akan memastikan jawatankuasa yang dilantik kelak mampu menggerakkan jentera pentadbiran parti secara sistematik dan berkesan.

Beliau berterima kasih kepada pucuk pimpinan parti yang memilihnya sebagai pengerusi perhubungan UMNO yang sebelum ini disandang Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh.

Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan perlantikan itu selepas mesyuarat majlis tertinggi UMNO di Kuala Lumpur malam tadi.

Shahidan, yang sebelum ini memegang jawatan Ketua Penerangan UMNO Perlis, berkata siapa yang menjadi pemimpin tidak penting tetapi apa yang lebih utama ialah perpaduan anggota parti dalam melaksanakan agenda perjuangannya. -- BERNAMA

AD AKD